



Ramadan bulan ibadah, peniaga diseru jaga adab dan tatasusila
– Exco Agama

Projek Madinah As-Salam distruktur semula: Wisma Tanah siap 85 peratus, komponen lain dilaksana berperingkat

Anak muda rakan seperjuangan bawa mesej dakwah – YB Dato' Rohani

Lelaki berpakaian duyung telah ditahan, disiasat mengikut Kanun Jenayah Syariah

Umat Islam diseru bezakan janji Allah SWT dan janji syaitan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 22 Februari – Umat Islam diseru agar membezakan antara janji Allah SWT yang benar dan janji syaitan yang palsu sebagaimana ditegaskan dalam al-Quran, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau berkata, Allah SWT tidak sesekali memungkirkan janji-Nya dan kebenaran firman-Nya telah terbukti melalui ayat-ayat suci serta kesan sejarah yang dapat disaksikan hingga ke hari ini.

Menurutnya, secara umumnya terdapat dua jenis janji yang disebutkan dalam al-Quran iaitu janji Allah SWT yang benar serta janji syaitan yang penuh dengan tipu daya.

Beliau memetik ayat 13 daripada Surah al-Qasas yang menjelaskan kisah kelahiran Nabi Musa AS yang diselamatkan daripada ancaman firaun melalui ilham Allah SWT kepada ibunya.

“Allah SWT menjanjikan bahawa Nabi Musa akan dikembalikan semula kepada ibunya, walaupun pada zahirnya keadaan ketika itu amat mustahil. Namun akhirnya



janji tersebut benar-benar berlaku sebagaimana firman Allah yang bermaksud “supaya ia mengetahui bahawa janji Allah adalah benar”.

Beliau berkata demikian dalam Bingkisan Ramadan 1447H Siri 3 yang disiarkan menerusi media sosialnya pada Sabtu.

Dato' Mohd Nassuruddin turut mengingatkan bahawa al-Quran juga mendedahkan janji syaitan yang bersifat palsu dan memperdayakan manusia.

Beliau merujuk ayat 64 dari-

pada Surah al-Isra' bahawa Allah SWT menegaskan tentang segala pujuk rayu dan desakan syaitan hanyalah tipu daya semata-mata.

“Firman Allah bermaksud: ‘Padahal tidak ada yang dijanjikan oleh syaitan itu melainkan tipu daya semata-mata.’ Ini menunjukkan bahawa janji syaitan tidak membawa kepada kebenaran, sebaliknya menyesatkan manusia dari jalan yang lurus,” jelasnya.

Tambahnya, orang beriman sudah tentu akan memilih janji Allah SWT yang benar, manakala mere-

“

Firman Allah bermaksud: ‘Padahal tidak ada yang dijanjikan oleh syaitan itu melainkan tipu daya semata-mata.’ Ini menunjukkan bahawa janji syaitan tidak membawa kepada kebenaran, sebaliknya menyesatkan manusia dari jalan yang lurus,”

ka yang jauh daripada petunjuk al-Quran mudah terpedaya dengan keindahan janji palsu syaitan.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan umat Islam agar sentiasa mendekatkan diri dengan al-Quran dan memohon hidayah Allah SWT supaya tidak terjerumus dalam gejala sosial akibat terpengaruh dengan tipu daya syaitan.

“Keimanan yang kukuh dan kefahaman yang jelas terhadap al-Quran menjadi benteng utama dalam menghadapi cabaran kehidupan masa kini,” katanya.



Mushaf Darulnaim perkasa budaya Jawi, mudahkan pembaca fahami Al-Quran

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 25 Februari – Mushaf Darulnaim terbitan Yayasan Islam Kelantan (YIK) melakar sejarah tersendiri apabila menjadi mushaf pertama yang menyertakan terjemahan Jawi per kata dengan ejaan terkini, bagi membantu pembaca mendekati serta memahami makna al-Quran dengan lebih jelas dan tersusun.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat bersama Pengarah YIK Shamsul Abu Bakar mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar, YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud bagi memohon persetujuan berkaitan penerbitan Mushaf Al-Quran Kelantan Darul Naim.

Mushaf Darulnaim telah dilancarkan oleh Menteri Besar sempena Majlis Amanat Tahun Bharu 2026 di Dewan Tok Guru, Kompl-



eks Kota Darulnaim pada 8 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Dato' Wan Roslan menjelaskan, mushaf berkenaan turut dihiasi elemen kesenian dan kebudayaan Kelantan yang menyerlahkan identiti negeri, selain disusun mengikut Resm Uthmani versi baharu bagi memastikan ketepatan serta keseragaman teks al-Quran.

“Penerbitannya juga telah melalui proses pengesahan rasmi oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Kementerian Dalam Negeri (KDN), sekali gus

menjamin kesahihan dan pematuhan terhadap piawaian percetakan mushaf yang ditetapkan di negara ini,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Selasa.


Menurut Dato' Wan Roslan, pertemuan diharap dapat memperkemas lagi urusan percetakan dan pengedaran, selain memudahkan usaha penyebarannya kepada masyarakat secara lebih meluas.

“Inisiatif berkenaan dilihat selari dengan hasrat kerajaan negeri dalam memperkasa budaya membaca, memartabatkan tulisan Jawi

serta menyemarakkan kecintaan terhadap al-Quran dalam kalangan rakyat, khususnya di Kelantan.

“Mushaf Darulnaim juga menjadi simbol komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan al-Quran, tulisan Jawi serta warisan ilmu Islam demi manfaat generasi masa kini dan akan datang,” ujarnya.

“Diharapkan segala usaha yang digerakkan ini terus diberkati dan menjadi asbab kepada perkembangan syiar al-Quran dalam kehidupan ummah secara menyeluruh,” ujarnya.



Projek Madinah As-Salam distruktur semula: Wisma Tanah siap 85 peratus, komponen lain dilaksanakan berperingkat



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 Februari – Projek pembangunan Madinah As-Salam memasuki fasa penstrukturan semula susulan penilaian teknikal mendapati beberapa kawasan tapak memerlukan rawatan tanah sebelum pembinaan komponen lain dapat diteruskan, namun kemajuan pembinaan Wisma Tanah kekal memberangsangkan apabila mencapai tahap siap 85 peratus.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, selain Wisma Tanah, pembinaan Dewan Serbaguna juga telah memulakan kerja-kerja

asas pembinaan dan kedua-dua komponen utama itu akan diteruskan sehingga siap.

“Wisma Tanah telah mencapai 85 peratus tahap siap, manakala Dewan Serbaguna telah memulakan kerja-kerja asas pembinaan,” katanya selepas mesyuarat Exco di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, semalam.

Beliau menjelaskan, proses penyusunan semula dibuat setelah penilaian teknikal mengesahkan sebahagian kawasan projek merupakan bekas tapak sawah padi yang memerlukan kerja penstabilan serta rawatan tanah bagi menjamin keselamatan dan ketahanan struktur



binaan.

“Di peringkat penyusunan semula ini, beberapa perkara akan diperbaiki dari sudut perancangan seperti rawatan tanah dan sebagainya bagi menyesuaikan dengan keadaan sebenar tapak,” katanya.

Menurutnya lagi, walaupun berlaku pelarasan perancangan, perkembangan pembinaan beberapa komponen utama projek menunjukkan hala tuju yang positif, manakala komponen lain akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan dan kesiapsiagaan tapak.

Tambahnya, tumpuan akan diberikan kepada pembinaan struk-

tur asas terlebih dahulu sebelum pembangunan seterusnya dilaksanakan bagi memastikan kelancaran projek dalam jangka masa panjang.

“Pembinaan komponen lain akan diberi tumpuan kepada pembinaan struktur-struktur asas terlebih dahulu sebelum pembangunan seterusnya dilaksanakan, bagi memastikan kelancaran projek dalam jangka masa panjang,” jelasnya.

Untuk rekod, Projek Madinah As-Salam yang menentang konsep bandar hijau dan bandar pintar dibangunkan di kawasan seluas 47 hektar di Mukim Tiong, Kota Bharu.

Projek berkenaan menjadi model fizikal dasar Membangun Bersama Islam yang diterjemahkan melalui pembangunan beberapa komponen termasuk masjid, Wisma Tanah, dewan serbaguna, kompleks sukan renang serta perumahan berkonsep keselamatan terbaik.

Ramadan bulan ibadah, peniaga diseru jaga adab dan tatasusila – Exco Agama

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 25 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan menyeru rakyat Kelantan khususnya para peniaga agar sentiasa menjaga adab, tatasusila serta mematuhi undang-undang dalam menjalankan perniagaan sepanjang bulan Ramadan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, Ramadan merupakan bulan ibadah yang menuntut umat Islam memelihara akhlak dan sensitiviti masyarakat, lebih-lebih lagi dalam ruang awam yang menjadi tumpuan ramai.

Menurutnya, isu tular melibatkan seorang lelaki berpakaian menyerupai duyung Sabtu lalu wajar dijadikan pengajaran kepada semua pihak agar tidak menjadikan promosi perniagaan sebagai alasan untuk melampaui batas.

“Kerajaan negeri mengharapkan rakyat agar menjaga tatasusila



la dan budaya masyarakat Melayu Kelantan. Perkara seperti itu tidak pernah berlaku sebelum ini di negeri kita.

“Mungkin pelaku tidak terfikir bahawa perbuatan tersebut boleh dikenakan tindakan dan sekadar menganggapnya sebagai gurauan. Namun apabila pihak penguat kuasa mengambil tindakan, barulah timbul rasa menyesal. Kita tidak mahu menyesal kemudian hari,” katanya ketika sidang media selepas mesyuarat exco di Mabna, hari ini.

Beliau juga menjelaskan bahawa dalam enakmen sedia ada, telah

diperuntukkan kesalahan melibatkan lelaki berpakaian seperti wanita di bawah Perkara 19 dan wanita berpakaian seperti lelaki di bawah Perkara 18.

“Undang-undang ini telah lama ditetapkan bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan rakyat negeri Kelantan. Jika berlaku pelanggaran, kerajaan perlu bertegas dan tidak boleh mengambil ringan,” ujarnya.

Tambahnya, dalam suasana Ramadan yang menyaksikan ramai peniaga mengambil peluang berniaga, aspek adab dan kepatuhan undang-undang perlu diberi perha-



tian serius.

“Identiti rakyat Kelantan adalah masyarakat yang beragama. Apabila sesuatu isu menjadi tular, ia bukan sahaja memberi kesan kepada individu terlibat tetapi turut memberi imej kepada negeri dan masyarakat keseluruhannya,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihati para peniaga agar mencari rezeki secara beretika dan beradab, serta memastikan setiap bentuk promosi tidak bercanggah dengan nilai agama dan norma masyarakat demi menjaga keharmonian sepanjang bulan Ramadan.

Dengki, iri hati punca perselisihan manusia – Exco Agama

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 24 Februari - Perasaan dengki, iri hati dan tidak berpuas hati dikenal pasti sebagai punca utama berlakunya perselisihan serta pertelingkahan dalam kalangan manusia sehingga boleh membawa kepada jenayah berat termasuk pembunuhan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud berkata, perkara tersebut dapat dilihat menerusi kisah pertelingkahan pertama manusia iaitu antara Qabil dan Habil sehingga membawa kepada pertumpahan darah sebagaimana dirakamkan dalam al-Quran.

Beliau merujuk firman Allah SWT dalam Al-Qur'an, Surah Al-Maidah ayat 31 yang bermaksud: “Kemudian, Allah mengirim seekor burung gagak untuk menggali tanah supaya memperlihatkan kepadanya (Qabil) bagaimana cara mengubur mayat saudaranya (Habil). (Qabil) berkata, ‘Celakal-

ah aku! Mengapa aku tidak mampu berbuat seperti burung gagak ini sehingga aku dapat mengubur mayat saudaraku?’ Maka, jadilah dia termasuk orang-orang yang menyesal.”

Menurut beliau, kisah tersebut menjelaskan bagaimana rasa tidak puas hati Qabil terhadap Habil dalam urusan penentuan pasangan membawa kepada perintah supaya kedua-duanya mempersembahkan korban.

“Habil mempersembahkan ternakan terbaik dan diterima, manakala Qabil memberikan hasil tanaman yang kurang baik lalu ditolak. Dari situlah timbul rasa dengki dan iri hati yang akhirnya membawa kepada pembunuhan pertama dalam sejarah manusia,” katanya menerusi ruangan Tawasau yang disiarkan di media sosial pada Isnin.

Jelas beliau lagi, hasutan syaitan yang menyemarakkan perasaan negatif itu akhirnya mendorong Qabil bertindak membunuh saudaranya sendiri.


daranya sendiri.

Katanya, susulan kejadian itu, Allah SWT mendatangkan seekor burung gagak yang menggali tanah sebagai petunjuk kepada Qabil mengenai cara mengebumikan mayat, memandangkan ketika itu belum ada contoh pengebumian.

“Walaupun Qabil menyesal selepas itu, penyesalan tersebut sudah tidak berguna kerana nyawa Habil tidak dapat dikembalikan. Kisah ini menjadi pengajaran besar bahawa punca perselisihan manusia berpunca daripada hati yang dipenuhi sifat mazmumah,” katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan umat Islam supaya sentiasa berwaspada terhadap musuh paling hampir iaitu hawa nafsu dan bisikan hati sendiri.

“Hendaklah kita melazimi istighfar, zikir-zikir ma'thur, bermuhasabah serta mendoakan kesejahteraan saudara kita. Kawalan nafsu dalam setiap tindakan amat penting bagi mengelakkan konflik berpanjangan,” katanya.



Beliau turut menasihati agar masyarakat menjauhi sikap pentingkan diri serta pengaruh negatif persekitaran yang boleh merosakkan sifat mahmudah dalam diri.

“Setiap konflik perlu diselesaikan menurut pendekatan Islam melalui muhasabah dan perbincangan secara harmoni. Menyemai kemarahan berterusan hanya akan membawa kemusnahan sebagaimana yang berlaku dalam kisah Qabil dan Habil,” katanya.

Kerajaan negeri santuni rakyat dari bayi hingga ke akhir hayat

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 24 Februari – Kerajaan negeri melalui Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) mengambil pendekatan kebijakan menyeluruh yang merangkumi setiap fasa kehidupan rakyat bermula daripada bayi sehingga ke akhir hayat melalui pelbagai inisiatif berstruktur di peringkat Parlimen dan DUN.

“Kita santuni semua golongan masyarakat bermula dari bayi hingga ke meninggal dunia. U-KeKWa adalah urus setia yang perlu sentiasa cakna kepada semua masyarakat.

“Setakat ini kita telah buat yang terbaik menyantuni masyarakat di peringkat parlimen dan DUN. Tahniah dan terima kasih kepada semua petugas yang telah membantu menjayakan program-program Kebajikan.”

Demikian ucapan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim ketika merasmikan Taklimat



Pelaksanaan Program dan Aktiviti U-KeKWa 2026 di sebuah hotel, di sini, semalam.

Beliau turut menegaskan bahawa setiap pelaksanaan program mesti mematuhi prinsip akauntabiliti, ketelusan dan integriti. Taklimat tersebut memberi penekanan kepada perancangan awal, pemantapan tadbir urus serta pemantauan berkala antara agensi dan rakan pelaksana bagi memastikan setiap bantuan sampai kepada golongan sasaran.

Sementara itu, Pengarah U-KeKWa Ilvira Mohd Dasuki memaklumkan bahawa sepanjang tahun 2025, sebanyak 101,413 rakyat

Kelantan telah disantuni melalui pelbagai program kebajikan yang menyasarkan pelbagai lapisan masyarakat.

Menurutnya, antara program yang telah dilaksanakan termasuk Ziarah Skuad Kita Cakna yang menyantuni 4,500 rakyat, selain Bengkel Parenting 360 Darjah: Bijak Didik, Anak Cerdik 2025 yang melibatkan 7,650 peserta serta program Kelantanku Cakna yang memberi manfaat kepada 35,315 penerima.

Dalam masa sama, Skim Anak Yatim (SPY) – Diraasah Pendidikan membantu seramai 2,881 anak



yatim, manakala Bantuan Ma’aruf OKU memanfaatkan 1,400 penerima. Tabung Usahawan Wanita pula menyokong 222 usahawan kecil wanita untuk terus berdaya saing, diikuti Skim Cakna Suri yang menyalurkan sumbangan RM200 kepada 500 suri rumah serta Skim Cakna Aulad yang menyediakan Tabungan Manjaku (emas/dirham) kepada 817 bayi baharu lahir.

Manakala Bantuan Khas Pesakit Kanser Payudara turut memberi manfaat kepada 223 wanita sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan dan kesihatan golongan berkeperluan.

16 sekolah YIK terima sumbangan pemerkasaan RM5,000



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 Februari – Sebanyak 16 Sekolah Menengah Ugama (SMU) di bawah seliaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) terpilih menerima sumbangan pemerkasaan berjumlah RM5,000 setiap sekolah.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Menteri Besar YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan kepada pengetua atau wakil sekolah di bilik Mesyuarat Timbalan Menteri Besar, Mabna Kompleks Kota Darulnaim semalam.

Sehubungan itu, Dato’ Mohamed Fadzli berkata, sumbangan tersebut bertujuan memperkukuhkan kelangsungan dan daya saing institusi pendidikan Islam di Kelantan.

Menurutnya lagi, sumbangan itu juga sebagai tanda komitmen kerajaan negeri yang berterusan dalam memastikan SMU kekal relevan, diyakini dan berdaya saing dalam landskap pendidikan yang semakin mencabar.

Jelasnya, inisiatif berkenaan dilaksanakan susulan keputusan Mesyuarat Lembaga Pentadbir Tabung Kumpulan Wang Kebajik-



an dan Pelajaran YAKIN Bilangan 3 Tahun 2025 yang meneliti rekod semasa kemasukan pelajar ke SMU di negeri ini.

“Hasil daripada penelitian tersebut, sebanyak 16 sekolah dikenal pasti layak menerima sumbangan dengan mengambil kira faktor bilangan pelajar semasa yang memerlukan pengukuhan serta sokongan tambahan bagi memastikan kelangsungan institusi terus terpelihara.

“Setiap sekolah diperuntukkan RM5,000 bagi membolehkan pihak pentadbiran merancang dan melak-

sanakan program berimpak tinggi, termasuk usaha meningkatkan keterlihatan institusi, memperkukuh keyakinan ibu bapa serta memperluas akses pendidikan Islam kepada masyarakat setempat,” hurnya menerusi media sosial pada Rabu.

Tambahnya, langkah strategik tersebut diharap menjadi pemangkin kepada peningkatan enrolmen pelajar, memperkasa kualiti penyampaian pendidikan serta melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berintegriti yang menjadi aset penting kepada negeri ini.

Beliau turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM54,480.00 Kepada Pusat Bahasa Arab YIK bagi program al-Muhkayyam al-Lughawi dalam usaha memperkasakan Bahasa Arab bagi pelajar tingkatan satu dan dua untuk lapan siri.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat, Pengarah YIK Shamsul Abu Bakar dan Pengarah YAKIN Nik Jesim Tan Sri Nik Hashim.

Penganjuran ICOSAM 1.0 bukti keseriusan KIAS perkasa kefahaman syariah dan muamalat

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 19 Februari - Penganjuran Persidangan Syariah dan Muamalat 2026 (International Conference on Syariah & Muamalat KIAS (ICOSAM 1.0)) bertaraf antarabangsa membuktikan keseriusan institusi pengajian tinggi Islam dalam memperkasakan kefahaman syariah dan muamalat selari dengan keperluan semasa masyarakat Islam.

Tengku Temenggong Kelantan YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, inisiatif yang digerakkan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Permodalan Kelantan Berhad (PKB) itu adalah langkah positif dan bertepatan dengan tuntutan semasa, khususnya di Negeri Kelantan.

Menurutnya, persidangan berkenaan bukan sahaja menghimpunkan ilmuwan dan pakar dalam bidang syariah dan muamalat, bahkan menjadi wadah meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai



kewajipan menunaikan zakat.

"Antara isu yang sangat penting untuk diberi penekanan ialah zakat emas perhiasan. Di Negeri Kelantan telah difatwakan bahawa wanita yang memakai emas perhiasan melebihi 600 gram dalam tempoh setahun adalah wajib mengeluarkan zakat.

"Perkara ini perlu difahami dengan jelas agar tiada kekeliruan dan setiap individu yang memenuhi syarat dari sudut hukum Islam dapat menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan penuh kesedaran dan keikhlasan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Persidangan Antarabang-

sa Syariah dan Muamalat 2026 di Dewan Johor, KIAS, di sini, pada Isnin.

Tambahnya, zakat emas perhiasan sering dianggap remeh dan kurang diberi perhatian, sedangkan nilainya mampu menjadi sumber penting dalam membantu golongan asnaf sekiranya ditunaikan dengan sempurna.

"Justeru, program ilmiah seperti persidangan ini amat penting sebagai medium pendidikan dan penyebaran maklumat sahih kepada masyarakat," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pembentang kertas kerja, panel forum, peserta dalam dan luar negara serta seluruh

jawatankuasa pelaksana yang bertungkus-lumus menjayakan persidangan berkenaan.

Katanya, komitmen dan kesungguhan semua pihak mencerminkan semangat cintakan ilmu dan kesatuan dalam memperkasakan syariah Islam.

"Semoga segala perbincangan, resolusi dan dapatan yang dihasilkan dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan praktikal dan berimpak tinggi kepada pembangunan ummah, khususnya dalam memperkukuh institusi zakat dan sistem Muamalat Islam di negeri Kelantan," ujarnya.

Majlis penutup persidangan yang bertemakan "Zakat Emas Perhiasan: Integrasi Fiqh" itu turut dihadiri Tengku Puan Temenggong Kelantan Tunku Puan Sri Dato' Noor Hayati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Wan Roslan Wan Hamat, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, Mohd Asri Mat Daud serta Rektor KIAS Prof Dr Mazlan Ibrahim.

Anak muda rakan seperjuangan bawa mesej dakwah – YB Dato' Rohani

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 22 Februari - Anak muda hari ini bukan sekadar pelapis kepimpinan, bahkan rakan seperjuangan dalam membawa mesej Islam yang syumul dan rahmah kepada masyarakat, kata Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim.

Menurutnya, golongan muda mempunyai peranan besar dalam memperkukuh agenda dakwah dan kebajikan selari dengan tuntutan agama.

Beliau memetik sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia lain," sebagai pedoman dalam melaksanakan tanggungjawab kepimpinan.

"Moga kepimpinan yang dip-



ikul menjadi amanah yang dilaksanakan dengan penuh integriti, hikmah dan tawaduk.

"Insya Allah, kita sama-sama perkukuhkan saf, satukan fikrah dan terus berkhidmat demi agama, bangsa dan negeri," katanya menerusi hantaran di media sosial, hari ini.

Terdahulu, YB Dato' Rohani menerima kunjungan hormat barisan pimpinan baharu Ameerah



Kelantan dalam satu pertemuan yang berlangsung dalam suasana penuh mahabbah dan semangat ukhuwah di pejabatnya, di Mabna Kompleks Kota Darulnaim.

Dato' Rohani mengakui, pertemuan itu membuka ruang ta'aruf, perkongsian gerak kerja serta perancangan masa depan yang lebih tersusun dan berstrategi.

"Bertemu mata dengan adik-

adik pimpinan baharu, jelas terpancar kesungguhan mereka untuk memacu agenda dakwah, kebajikan dan pembangunan wanita muda di negeri ini," katanya.

Beliau turut berharap barisan kepimpinan baharu itu dapat terus komited dan istiqamah dalam memperkasakan peranan wanita muda sebagai agen perubahan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Lelaki berpakaian duyung telah ditahan, disiasat mengikut Kanun Jenayah Syariah

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 25 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan mengesahkan seorang lelaki yang tular kerana berpakaian menyerupai duyung di Pengkalan Chepa telah disiasat dan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang syariah.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Hassan berkata, rakaman video yang tular pada 21 Februari lalu memaparkan individu berkenaan melakukan aksi tidak sopan telah dirujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati individu terbabit telah dikenal pasti dan satu kertas penyiasatan dibuka. Suspek dipanggil hadir ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAHEAIK pada 23 Februari 2026 bagi tujuan merekod keterangan.

"Suspek telah diisytiharkan tangkap di bawah Seksyen 19 iaitu lelaki berlagak seperti perempuan dan Seksyen 21 iaitu perbuatan tidak sopan di bawah Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Negeri Kelantan.

"Selepas proses dokumentasi dan siasatan awal, suspek dilepas-



kan dengan bon jaminan penguatkuasaan dan diarahkan hadir semula pada 8 Jun 2026 bagi tujuan prosiding seterusnya," katanya selepas mesyuarat exco di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau menjelaskan, pelaku bukan pemilik gerai jualan berkenaan sebaliknya diupah bagi tujuan promosi untuk melariskan jualan.

"Mungkin pelaku tidak mengetahui perbuatan tersebut adalah satu kesalahan. Namun dalam undang-undang, sama ada kita tahu atau tidak, ia tetap dianggap sebagai kesalahan dan tindakan mesti diambil sebagai pengajaran supaya perkara sama tidak berulang.

"Kerajaan Negeri menegaskan bahawa sebarang perbuatan yang bertentangan dengan nilai-nilai syariah serta norma masyarakat akan diberi tindakan secara te-

gas, berhemah dan mengikut undang-undang," ujarinya.

Timbalan Menteri Besar turut menasihati rakyat Kelantan agar sentiasa memastikan setiap tindakan tidak melanggar undang-undang, norma budaya setempat dan ajaran agama, lebih-lebih lagi dalam suasana bulan Ramadan yang menuntut kepekaan serta penghormatan terhadap nilai masyarakat.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah memaklumkan pelaku terbabit diupah sebanyak RM200 oleh seorang peniaga air balang yang memiliki lesen menjaja sementara daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurutnya, kandungan video tersebut dirakam sebelum Ramadan namun dimuat naik ke media sosial ketika bulan puasa.

"Kita terus ke lokasi khemah jualan selepas menerima maklumat dan telah mengeluarkan notis supaya video tersebut dipadamkan dan video berkenaan telah dipadamkan.

"Kita tidak dapat mengenakan kompaun kerana peniaga mempunyai lesen sah dan dalam undang-undang kecil sedia ada tiada peruntukan khusus bagi kesalahan melibatkan promosi," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata semua PBT telah diminta meneliti cadangan memasukkan klausa baharu dalam undang-undang kecil perniagaan berkaitan larangan promosi yang tidak patuh syariah atau bertentangan dengan adab susila.

Tambahnya, peniaga terbabit kini telah menghentikan operasi dan menutup gerai susulan kecaman masyarakat. Gerai berkenaan dilaporkan beroperasi di hadapan Masjid As-Salam, Pengkalan Chepa.

Dalam perkembangan berkaitan, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan terus menjalankan pemantauan di tapak khemah dan bazar Ramadan bagi memastikan penyediaan makanan mematuhi piawaian kebersihan dan keselamatan makanan yang ditetapkan.

Kerajaan negeri, PPDK bincang Isu OKU masalah pembelajaran

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 23 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan bersama Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Kelantan mengadakan perbincangan berhubung isu melibatkan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) masalah pembelajaran dalam satu sesi kunjung hormat yang berlangsung Isnin lalu.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan YB Dato' Rohani Ibrahim, menerima kunjungan wakil PPDK yang menghimpunkan sebanyak 46 buah pusat dari seluruh Negeri Kelantan.

Menurutnya, pertemuan terse-



but membuka ruang perbincangan yang sangat bermakna khususnya dalam usaha memperkasa anak-anak OKU masalah pembelajaran yang sedang mengikuti program di PPDK.

"Alhamdulillah, saya menerima kunjungan hormat daripada wakil Pertubuhan Pemulihan Dalam Ko-

muniti Kelantan yang menghimpunkan sebanyak 46 buah PPDK di seluruh Negeri Kelantan," katanya di laman sosial rasmi beliau, semalam.

Beliau berkata, sesi itu turut memberi peluang untuk meneliti keperluan serta cabaran semasa yang dihadapi oleh pusat-pusat

PPDK.

Tambahnya, segala usaha yang digerakkan secara bersama antara kerajaan negeri dan penggerak komuniti diharap menjadi amal soleh berpanjangan serta memberi manfaat besar kepada masyarakat, khususnya keluarga OKU di negeri ini.



i-AWARE, Inspire anjur IFFAH 1.0, himpun dana bantu wanita di zon krisis

Oleh: Norzana Razaly

CYBERJAYA, 25 Februari – Pertubuhan Antarabangsa untuk Advokasi dan Reformasi Wanita (i-AWARE) dan Kelab Kebajikan Inspirasi Muslimah Cakna Antarabangsa Malaysia (Inspire) meneruskan komitmen kemanusiaannya melalui penganjuran Iftar for Humanity (IFFAH 1.0) bagi menghimpunkan dana dan bantuan kewangan untuk wanita di zon krisis, termasuk di Palestin, Yaman dan Syria.

Pengerusi i-AWARE yang juga Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawawi berkata, penderitaan yang dialami umat Islam di seluruh dunia, khususnya golongan wanita di negara-negara bergolak, merupakan isu yang wajib diberi perhatian serta dipikul sebagai tanggungjawab bersama umat Islam.

Menurutnya, pelbagai inisiatif seperti program literasi, advokasi dan kempen kesedaran telah digerakkan sebelum ini bagi menzahirkan simpati serta empati terhadap nasib mangsa konflik.

"Tujuan kita mengadakan program ini adalah untuk meng-



himpunkan para penginfak serta menyampaikan bantuan kewangan kepada wanita-wanita yang berada di negara berkekrisis.

"Saya ingin tekankan bahawa isu dan agenda wanita Islam antarabangsa bukan hanya perlu diberi perhatian oleh kaum lelaki, tetapi wanita sendiri perlu tampil ke hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis IFFAH 1.0 di Dewan Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dato' Mumtaz yang juga Penasihat Inspire memaklumkan bahawa majlis iftar berkenaan menjadi medan pertemuan antara pertubuhan bu-
kan kerajaan (NGO) dan para

dermawan, sekali gus turut diisi dengan forum solidariti yang menampilkan tokoh serta aktivis kemanusiaan yang terlibat secara langsung dalam isu berkenaan.

Dato' Mumtaz turut memaklumkan sambutan terhadap inisiatif kutipan dana itu amat menggalakkan, khususnya menjelang Ramadan.

"Alhamdulillah, berkat kedatangan Ramadan, meja-meja jualan bagi kutipan dana yang pada awalnya masih berbaki akhirnya berjaya dilangsaikan.

"Insya-Allah, puluhan ribu dana yang kita terima ini akan diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab dan mempunyai autoriti untuk disalurkan kepada mereka

yang memerlukan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan umat Islam tidak seharusnya sekadar menyaksikan pengorbanan dan air mata mangsa peperangan dari jauh, sebaliknya perlu menterjemahkan solidariti dalam bentuk bantuan kewangan yang nyata.

"Apabila wanita menderita, anak-anak dan keluarga mereka juga turut menderita. Semoga usaha kecil ini menjadi tanda amal jariah kita di jalan Allah SWT.

"Kita mendoakan agar Allah SWT memberikan kekuatan dan kemenangan kepada saudara-saudara kita di sana, serta mengizinkan kita suatu hari nanti menjejakkan kaki ke bumi Palestin yang dibebaskan," katanya.



KGT buka permohonan pengeluaran 2 Dirham melalui platform EDND

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 24 Februari – Kelantan Gold Trade (KGT) membuka secara rasmi permohonan pengeluaran syiling perak 2 Dirham kepada pelanggan melalui platform EDND sebagai sebahagian daripada usaha memperluas akses pemilikan perak fizikal berasaskan simpanan digital.

Pengurus Besar KGT Wan Muhammad Najahuddin Wan Fuad berkata, inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen berterusan syarikat dalam menyediakan pilihan penukaran yang telus, mudah dan patuh kepada keperluan pelanggan yang menyimpan melalui platform EDND.

"Pembukaan pengeluaran syiling perak 2 Dirham ini bertujuan memberi nilai tambah kepada pel-

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMAN PENGELUARAN, JUALAN DAN PENUKARAN DIRHAM PERAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

20 Februari 2026 – Kelantan Gold Trade (KGT) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan bahawa permohonan withdrawal bagi pengeluaran syiling perak 2 Dirham di platform EDND kini telah dibuka secara rasmi kepada pelanggan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan dalam menyediakan akses pemilikan perak fizikal kepada pelanggan yang menyimpan melalui platform EDND.

Seiring dengan itu, berikut adalah beberapa maklumat berkaitan jualan dan penukaran produk Dirham perak:

- 1. Jualan 1 & 2 Dirham Perak**
Produk syiling perak 1 & 2 Dirham telah dikemaskini di DND Shop. Pelanggan kini boleh membuat semakan jumlah stok secara masa nyata melalui platform tersebut.
- 2. Penukaran 2 Dirham kepada 1 Dirham (Fizikal)**
Penukaran boleh dilakukan tertakluk kepada ketersediaan stok semasa dengan kadar caj sebanyak RM5.

anggan, selain memastikan proses pemilikan perak fizikal dapat dilaksanakan secara tersusun dan berintegriti," katanya ketika dihubungi hari susulan kenyataan media bertarikh 20 Februari.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memaklumkan bahawa produk syiling perak 1 Dir-

ham dan 2 Dirham telah dikemas kini di DND Shop. Pelanggan kini boleh menyemak jumlah stok secara masa nyata bagi memudahkan perancangan pembelian atau penukaran.

Menurut beliau, penukaran syiling perak 2 Dirham kepada 1 Dirham dalam bentuk fizikal dibenar-

kan tertakluk kepada ketersediaan stok semasa dengan kadar caj RM5. Sementara itu, penukaran daripada denominasi Dirham lain kepada 2 Dirham boleh dibuat dengan kadar caj RM10, juga bergantung kepada stok yang ada.

"Kami menasihatkan pelanggan agar membuat semakan awal serta melengkapkan permohonan pengeluaran atau penukaran melalui DND Shop sementara stok masih tersedia, memandangkan jumlah tawaran adalah terhad," jelasnya.

Tambahnya, KGT turut merakamkan penghargaan atas sokongan dan kepercayaan berterusan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan, selain menggalakkan orang ramai mengikuti saluran rasmi KGT bagi mendapatkan maklumat terkini dari semasa ke semasa.

AKSB siap siaga hadapi musim kemarau

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 24 Februari – Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) mengambil langkah proaktif bagi menghadapi musim kemarau yang dijangka melanda negeri ini bermula Februari hingga Julai dengan memperkukuh operasi di beberapa Loji Rawatan Air (LRA) yang dikenal pasti terjejas.

AKSB menerusi hantaran di media sosial semalam, memaklumkan bahawa sebanyak 10 daripada 43 Loji Rawatan Air (LRA) dikenal pasti berisiko terjejas berikutan penurunan paras air mentah dan akan dipantau rapi, melibatkan kira-kira 22,753 akaun pengguna.

LRA terlibat ialah LRA Pahi di Kuala Krai, LRA Jeli, LRA Kampung Putih, Pintu Geng dan Chicha di Kota Bharu, LRA Wakaf Bharu (Tumpat), LRA Wakaf Bunut (Pasir Puteh), LRA Bukit Remah (Tanah Merah), LRA Kelar (Pasir



Mas) dan LRA Machang.

AKSB turut memaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan telaga dan muka sauk sudah dan sedang dilaksanakan serta dijadualkan siap lebih awal sebelum April.

Pada masa sama, kapasiti pam telaga sokongan di loji berkaitan turut ditingkatkan bagi memastikan pengeluaran air terawat berada

pada tahap optimum.

Selain itu, tiga telaga baharu di LRA Chicha dijangka siap sepegunya pada Mac bagi menambah sumber bekalan air mentah dan memperkukuh sistem agihan di kawasan terlibat.

Bagi memastikan bekalan air terus sampai kepada pengguna di jajahan terjejas, AKSB menyedia-

kan 11 lori tangki air kontrak untuk penghantaran bekalan ke kawasan seperti Kota Bharu, Tumpat, Bachok, Pasir Mas dan Tanah Merah.

Penghantaran turut melibatkan pengisian ke semua tangki statik yang ditempatkan di lokasi strategik.

Dalam usaha meningkatkan paras air sungai sebagai sumber air mentah, AKSB juga melaksanakan penyiapan benteng di beberapa LRA terpilih termasuk Bukit Remah, Jeli, Peralla, Panggung Lalat, Bertam, Limau Kasturi, Sungai Ketil dan Paloh.

AKSB menjelaskan bahawa semua langkah berkenaan merupakan sebahagian daripada pelan mitigasi bersepadu bagi meminimumkan gangguan bekalan air sepanjang tempoh kemarau, sekali gus memastikan kebajikan pengguna di negeri ini terus terpelihara.

Petani Kemumin perolehi RM150,000 tanam 5,000 polibeg cili secara berkelompok



Oleh: Syamimi Manah

PENGKALAN CHEPA, 23 Februari - Projek tanaman cili secara berkelompok di sebelah padang golf Kampung Kemumin, Pengkalan Chepa yang diusahakan oleh Zainal Abdullah, 58, atau lebih dikenali sebagai Pak Nal menjadi contoh kejayaan usaha menghidupkan kembali tanah yang pernah terbiar, sekali gus berpotensi menjana pendapatan mencecah RM150,000 bagi satu pusingan tuaian.

Ahli Parlimen Pengkalan Chepa YB Datuk Dr Ahmad Marzuk Shaary berkata, beliau sempat sing-

gah menziarahi projek berkenaan yang kini mengusahakan sebanyak 5,000 polibeg cili menggunakan kaedah pembajaan AB melalui sistem pengairan titisan (drip).

Menurutnya, penggunaan sistem tersebut memastikan nutrien disalurkan secara tepat ke akar tanaman, sekali gus meningkatkan kecekapan dan produktiviti hasil.

“Setiap polibeg dianggar menghasilkan kira-kira 10 kilogram cili sepanjang tempoh tiga bulan. Dengan nilai sekitar RM30 bagi setiap pokok, keseluruhan projek ini berpotensi menjana sekitar

RM150,000 dalam satu pusingan tuaian,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau turut berkongsi bahawa dalam perbualan bersama pengusaha mengenai jangkaan hasil dan tarikh pengeluaran, pendekatan yang diambil bukan sekadar bersandarkan teori dan pengiraan semata-mata.

“Setiap unjuran sering diiringi ungkapan ‘dengan izin Allah’. Apabila pokok berbunga lebih awal daripada jangkaan, yang terbit di bibir ialah ‘Allah Maha Kuasa, Allah rezeikikan’. Di situ terpancar

gabungan antara ilmu, usaha dan tawakkal kepada Pemilik rezeki,” jelasnya.

Tambah Datuk Marzuk, pasaran bagi hasil tanaman tersebut juga telah tersedia dan menunggu pengeluaran, membuktikan bahawa pertanian yang dirancang dengan strategi dan pengurusan baik mampu mengangkat ekonomi setempat.

Beliau merakamkan tahniah kepada pengusaha projek bersama seluruh pasukan yang terlibat dalam menjayakan inisiatif berkenaan.



Dr Wan Martina bangkitkan isu lebuhraya, perumahan mampu milik di Dewan Negara

Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 24 Februari – Ahli Dewan Negara Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff membangkitkan beberapa isu kritikal melibatkan infrastruktur, perumahan dan pembangunan ekonomi dalam teks Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Negara, semalam.

Antara yang menjadi tumpuan ialah status Projek Lingkaran Tengah Utama (CSR) yang disifatkan sebagai nadi perhubungan penting rakyat di Pantai Timur.

Beliau memohon penjelasan Kementerian Kerja Raya mengenai komitmen kerajaan terhadap sasaran penyiapan projek tersebut yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun hadapan.

Menurutnya, persoalan utama adalah sejauh mana peratus kemajuan keseluruhan projek ketika ini serta jaminan bahawa ia dapat disiapkan tanpa penangguhan lanjut.

Senator Wan Martina turut menzahirkan kebimbangan terhadap perkembangan Pakej Bandar Gua Musang yang didakwa seolah-olah terbengkalai dan tidak menunjukkan kemajuan sewajarnya.

Beliau meminta penjelasan terperinci sama ada kelewatan tersebut berpunca daripada masalah prestasi kontraktor, isu teknikal di tapak atau kekangan penyaluran peruntukan.

“Kelewatan ini telah memberi impak besar kepada kesejahteraan rakyat. Pengguna jalan raya terpaksa menggunakan laluan alternatif yang tidak stabil, berlubang dan berbahaya, khususnya ketika



musim tengkujuh dan menjelang perayaan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menuntut pelan mitigasi yang jelas termasuk langkah segera membaiki laluan sementara bagi menjamin keselamatan pengguna.

Dalam pada itu, Dr Wan Martina turut membangkitkan status projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) yang masih tertangguh dan belum menunjukkan komitmen pembinaan fizikal yang meyakinkan.

Katanya, projek berkenaan amat penting sebagai pelengkap ekosistem logistik dan rangkaian perhubungan di Pantai Timur, khususnya bagi negeri Terengganu dan Kelantan.

Beliau mempersoalkan sama ada kementerian mempunyai garis masa konkrit untuk memulakan fasa pembinaan atau projek tersebut akan terus berada dalam fasa kajian tanpa kepastian pelaksanaan.

“Kelewatan dan penangguhan projek LPT3 ini secara langsung telah membiarkan potensi ekonomi di wilayah Pantai Timur terus terbantut” jelasnya.

Menyentuh isu perumahan mampu milik, Senator Wan Martina menegaskan bahawa pemilikan rumah pertama masih menjadi cabaran besar kepada anak muda berikutan jurang antara pendapatan isi rumah dan harga hartanah semasa.

Beliau meminta penjelasan mengenai status terkini projek di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di Kelantan yang masih dalam pembinaan atau perancangan.

Selain itu, beliau mencadangkan agar kerajaan mengkaji mekanisme pembiayaan bagi golongan sektor tidak formal dan ekonomi GIG yang sering berdepan kesukaran mendapatkan pinjaman perumahan kerana ketiadaan slip gaji tetap.

“Rakyat memerlukan rumah yang benar-benar mampu milik dengan kualiti binaan yang munasabah, bukan sekadar mampu dilihat tetapi tidak mampu dimiliki,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menyentuh potensi pelancongan kesihatan sebagai pemangkin ekonomi negara dan men-

“

Rakyat memerlukan rumah yang benar-benar mampu milik dengan kualiti binaan yang munasabah, bukan sekadar mampu dilihat tetapi tidak mampu dimiliki.”

cadangkan agar fokus tidak hanya tertumpu di Lembah Klang atau Pulau Pinang.

Menurutnya, Kelantan mempunyai potensi besar sebagai hab pelancongan kesihatan di Pantai Timur, khususnya bagi pasaran Selatan Thailand, dengan kepakaran perubatan di Hospital Universiti Sains Malaysia serta perkembangan hospital swasta tempatan.

Beliau mencadangkan pemberian insentif cukai lebih menarik kepada hospital swasta yang melabur dalam fasiliti pelancongan kesihatan di Kelantan serta penyelarasan antara kementerian bagi memudahkan cara urusan visa perubatan dan logistik pesakit antarabangsa.

Katanya, pemerkasaan sektor tersebut bukan sahaja mampu meningkatkan pendapatan negeri, malah membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada anak tempatan dalam bidang perubatan dan perhotelan.

“Kita mahu melihat Kelantan bukan sahaja terkenal dengan keindahan seni budayanya, tetapi turut diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan perubatan di rantau ini,” ujarnya.



100,000 ekor ayam sokong operasi SABA Fried Chicken di Wakaf Bharu

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 22 Februari – Lebih 100,000 ekor ayam pedaging yang ditenak di Kampung Padang Mandol, Wakaf Bharu menjadi tulang belakang kepada operasi rangkaian restoran SABA Fried Chicken, sekali gus merancakkan industri ayam pedaging di Kelantan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah telah mengadakan lawatan ke pusat ternakan ayam pedaging milik Saba pada 16 Februari.

Menurutnya, pusat ternakan tersebut beroperasi dalam blok ternakan tiga tingkat yang direka bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran secara lebih sistematik dan efisien, selaras dengan keperluan



pasaran semasa.

“Ayam ternakan ini menjadi sumber bekalan utama kepada rangkaian restoran SABA Fried Chicken,” katanya di laman rasmi pada Isnin.

Beliau menjelaskan bahawa penggunaan teknologi ternakan moden serta pemantauan biosekuriti yang berterusan menjadi antara faktor utama dalam memastikan kualiti dan keselamatan bekalan ayam sentiasa terjamin.

Tambahnya, usaha memperkukuh industri ayam pedaging amat penting dalam memastikan bekalan makanan negeri kekal stabil, terutama menjelang musim perayaan yang lazimnya menyaksikan peningkatan permintaan.

Sementara itu, ADN Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah memaklumkan bahawa SABA Fried Chicken kini mempunyai lima cawangan.

“SABA Fried Chicken kini

mempunyai lima cawangan dan bakal mengorak langkah memperluaskan perniagaan dengan pembukaan cawangan baharu di Lotus's Mall” katanya di laman rasmi pada Isnin.

Tambahnya, perkembangan tersebut mencerminkan potensi besar usahawan tempatan dalam membina jenama sendiri yang berdaya saing, selain memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat.



Kelantan tumpu pembangunan insan, bukan sekadar fizikal – Exco Belia



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 23 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan memberi penekanan terhadap aspek pembangunan insan dalam usaha memperkasa golongan belia agar lebih bersedia menghadapi cabaran dunia moden yang serba pantas.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan, YB Zamakhshari Muhamad berkata, dalam keadaan

anak muda mudah terdedah kepada kekeliruan dan tekanan, agenda pembangunan tidak boleh hanya tertumpu kepada aspek fizikal serta ekonomi semata-mata.

Menurutnya, kerajaan negeri komited memastikan agenda belia dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan, bukan sekadar tertumpu kepada aktiviti sukan atau program bermusim.

“Di Kelantan, antara perkara yang diberi penekanan adalah

aspek pembangunan insan. Kita mahu pembangunan yang melibatkan rohani, intelektual dan kepimpinan.

“Sebagai contoh, program pembangunan rohani seperti Anak Muda Tamu Ramadan, pembangunan intelektual melalui program townhall dan diskusi, selain program kepimpinan seperti Kelantan Future Leaders dan Gentera.”

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Pelancaran Anak

Muda Tamu Ramadan 1447H /2026M di sebuah hotel di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, Program Anak Muda Tamu Ramadan yang menjadi acara tahunan anjuran Urus Setia Belia dan Sukan (U-BES) adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri bagi memastikan agenda pembangunan insan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dalam kalangan belia.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru anak muda supaya menjadikan al-Quran sebagai panduan utama dalam membuat sebarang keputusan dalam kehidupan.

“Jangan jadikan al-Quran sekadar teks untuk dikhatamkan terutamanya dalam bulan Ramadan, tetapi jadikannya sebagai panduan dalam membuat keputusan hidup. Insya-Allah kita akan selamat di dunia dan akhirat.

“Dalam dunia yang penuh kekeliruan, al-Quran memberi kejelasan. Dalam dunia yang penuh tekanan, al-Quran memberi ketenangan. Dalam dunia yang penuh persaingan, al-Quran memberi prinsip,” ujarnya.

Kelantan perkasakan agroekonomi orang asli

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 25 Februari – Kerajaan Negeri Kelantan memfokus usaha memperkasakan pengembangan agroekonomi dalam kalangan masyarakat orang asli agar mereka terus berdaya saing dan mempunyai sumber pendapatan yang mampan.

Komitmen tersebut hasil perbincangan Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail bersama wakil penghulu orang asli dari Gua Musang yang diketuai oleh Penghulu Orang Asli Dewan Negeri (DUN) Galas Jumaat Abak di pejabatnya, semalam.

Dato' Tuan Mohd Saripudin berkata, dalam pertemuan tersebut, perbincangan ditumpu terhadap kepentingan memperkukuh sektor pertanian sebagai sumber ekonomi utama komuniti, termasuk meningkatkan kemahiran, akses kepada teknologi moden dalam usaha untuk meningkatkan sumber pendapatan golongan terbabit.

Usaha bersepadu dilihat mampu membantu masyarakat orang asli meningkatkan produktiviti sekaligus memperbaiki taraf hidup mere-



ka.

Selain itu, cadangan bagi memperluas peluang keusahawanan berasaskan sumber tempatan turut diketengahkan sebagai langkah memperkukuh rantaian ekonomi di peringkat komuniti.

Pendekatan pembangunan yang lebih inklusif dan bersasar diyakini dapat memastikan tiada golongan yang tercicir daripada arus pembangunan negara.

“Insya Allah, segala cadangan dan keperluan yang dibangkitkan akan diteliti serta diambil tindakan sewajarnya oleh pihak berkaitan. Langkah itu penting bagi memastikan agenda pembangunan yang dirancang benar-benar memberi manfaat kepada komuniti setempat secara menyeluruh dan berterusan” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Pendekatan berterusan melalui

kerjasama pelbagai pihak diharap dapat memperkukuh daya tahan ekonomi masyarakat orang asli, selaras dengan hasrat untuk melahirkan komuniti yang lebih berdaya saing dan mapan pada masa hadapan.

Hadir sama dalam pertemuan tersebut ialah Ketua Masyarakat Orang Asli Galas Atan Sudin dan Ketua Masyarakat Orang Asli Sigar Encik Moya.

Petugas barisan hadapan disantuni sempena Ramadan



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 25 Februari – Para petugas barisan hadapan disantuni Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah

bersama petugas Pusat Khidmat DUN Wakaf Bharu dengan menyampaikan sumbangan buah kurma sempena Ramadan.

Menurut YB Mohd Rusli, kunjungan tersebut melibatkan kak-

itangan Klinik Kesihatan Wakaf Bharu, Pejabat Pos Wakaf Bharu, Balai Polis Wakaf Bharu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kampung Belukar serta Balai Bomba Wakaf Bharu.

Beliau berkata, sumbangan itu merupakan tanda ingatan dan penghargaan kepada petugas yang terus komited menjalankan amanah serta tanggungjawab tanpa mengira masa, khususnya sepanjang bulan Ramadan.

“Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas khidmat yang tidak pernah putus kepada masyarakat Wakaf Bharu. Semoga Allah mempermudah segala urusan dan seluruh kakitangan sentiasa berada dalam lindungan Allah, dikurniakan kesihatan yang baik serta kekuatan untuk terus berbakti,” katanya di laman rasmi, pada Ahad.

Tambahnya, kehadiran pasukannya juga sebagai sokongan moral kepada barisan hadapan yang menjadi tunjang kelancaran perkhidmatan kesihatan, keselamatan, komunikasi dan utiliti di kawasan berkenaan.

Poli Ubi Kayu Kuning gamit memori iftar pertama – Exco Warisan tekad martabat gastronomi Kelantan secara digital

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 19 Februari – Juadah ringkas berbuka puasa pertama mengimbu kenangan manis buat Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Kelantan YB Datuk Kamarudin Md Nor apabila menikmati Poli Ubi Kayu Kuning yang menurutnya sarat rasa dan cerita.

Beliau berkongsi bahawa hidangan tradisi tersebut bukan sekadar pemanis tekak ketika azan Maghrib berkumandang, sebaliknya membawa falsafah tersendiri yang kini diangkat dalam bentuk dokudrama untuk tatapan generasi baharu.

“Kuih Poli Ubi Kayu Kuning ini nampak sederhana. Namun di sebalik warna dan rasanya, ada kisah tentang ketekunan, kesabaran dan kebijaksanaan orang lama mengolah bahan tempatan menjadi juadah istimewa.”

“Bertepatan pula dengan falsafah keheningan waktu duha yang diterapkan. Kisah ini mengingatkan kita agar istiqamah menunaikan solat sunat Duha sebagai tanda kita bersedekah kepada 360 sendi sendiri,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya lagi, juadah iftar



“

Kuih Poli Ubi Kayu Kuning ini nampak sederhana. Namun di sebalik warna dan rasanya, ada kisah tentang ketekunan, kesabaran dan kebijaksanaan orang lama mengolah bahan tempatan menjadi juadah istimewa.”

pertama itu turut didokudramakan dalam episod ke-20 di pautan <https://www.facebook.com/share/p/1DgZRV8tTJ/> sebagai medium kreatif untuk berkongsi naratif dan nilai yang terkandung dalam resipi warisan berkenaan. Usaha tersebut sebahagian daripada inisiatif lebih besar bagi mendigitalisasi cerita lisan berkaitan gastronomi Kelantan yang semakin terhakis dek arus kemodenan.

Jelasnya, projek penerbitan cerita lisan dahulu kala melalui platform digital akan diteruskan secara konsisten demi memelihara pusaka

Melayu yang kaya dengan kearifan tempatan.

“Kita akan teruskan usaha menerbitkan cerita lisan yang berakar pada pengalaman dan memori kolektif masyarakat. Setakat ini, saya difahamkan hanya Kelantan yang merintis dokumentasi gastronomi dalam format dokudrama sebanyak 20 episod, dengan penglibatan badan bukan kerajaan sebagai kru produksi,” huraikannya.

Beliau berpandangan bahawa pendekatan tersebut mampu memperluas apresiasi masyarakat terhadap warisan makanan negeri,

sekali gus memperkuat identiti Kelantan sebagai destinasi pelancongan budaya yang unik.

Mengakhiri perkongsian, beliau mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada seluruh umat Islam serta mengingatkan masyarakat agar menikmati aneka juadah tradisi Kelantan secara bersederhana.

“Raikan kepelbagaian makanan kita, tetapi berbelanjalah dengan berhemah. Ramadan mendidik jiwa supaya cukup pada yang perlu, bukan tenggelam dalam berlebihan,” ujarnya.





Kelantan tumpu pembangunan insan, bukan sekadar fizikal – Exco Belia

SUKMA 2028 jadi agenda besar, Kelantan rangka Garis Panduan Sukan Mesra Islam

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 22 Februari – Hasrat menjadikan Kelantan sebagai model penganjuran sukan mesra Islam menjadi antara harapan terbesar Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad dalam portfolio sukan yang diterajui beliau.

Perkara itu dikongsikan menerusi penampilan beliau dalam The Amin Idris Show bertajuk Belia Kelate: Peluang Kerja, Migrasi, Hiburan dan Pawagam yang ditayangkan di saluran YouTube rasmi rancangan berkenaan pada 15 Februari lalu.

Menurut beliau, penganjuran Sukan Malaysia 2028 (SUKMA 2028) yang bakal berlangsung di Kelantan merupakan agenda besar



kerajaan negeri dan menjadi fokus utama dalam perancangan pembangunan sukan.

“Menjadi agenda besar di Kelantan, kita akan jadi tuan rumah SUKMA 2028. Antara cabaran Kelantan adalah macam mana kita nak jadi tuan rumah SUKMA dengan isu-isu yang berkait dengan

aurat. Ini satu cabaran besar untuk Kelantan uruskan sukan,” katanya.

Beliau menjelaskan, bagi mendepani cabaran tersebut, pihaknya telah mengadakan perbincangan bersama golongan profesional dan akademik daripada Universiti Malaya melibatkan Jabatan Syariah

dan Jabatan Sukan bagi menyediakan satu Garis Panduan Sukan Mesra Islam.

Menurutnya, garis panduan tersebut dibangunkan hasil sesi libat urus bersama kementerian, persatuan-persatuan sukan termasuk para atlet bagi memastikan ia bersifat inklusif, praktikal dan boleh diterima semua pihak.

YB Zamakhshari menzahirkan harapan agar garis panduan berkenaan bukan sahaja memudahkan urusan penganjuran SUKMA 2028, malah mampu menjadi rujukan dan model kepada penganjuran sukan mesra Islam di peringkat lebih luas.

“Harapnya garis panduan tersebut, SUKMA Kelantan 2028 akan menjadi model kepada sukan yang mesra Islam,” ujarnya.

Kelantan negeri pertama lancar Bulan Emas 2026

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 25 Februari – Kelantan mencatat sejarah sebagai negeri pertama di negara ini yang melancarkan Kempen Bulan Emas Kelantan 2026 secara rasmi bagi memperkukuh budaya simpanan emas dalam kalangan rakyat sebagai strategi perancangan kewangan jangka panjang.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata inisiatif tersebut diperkenalkan selaras dengan keperluan semasa yang menuntut masyarakat memiliki aset lindung nilai yang stabil dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global.

Menurutnya, kerajaan negeri melihat emas sebagai instrumen kewangan yang semakin relevan kerana keupayaannya mengekalkan nilai dalam keadaan pasaran yang berubah-ubah.

“Kerajaan negeri melihat emas



sebagai medium lindung nilai yang relevan, terutama dalam keadaan pasaran yang tidak menentu. Justeru, Bulan Emas diperkenalkan untuk menggalakkan budaya menyimpan emas dalam kalangan rakyat,” katanya kepada media selepas Majlis Peluncuran Bulan Emas Kelantan 2026 di sebuah hotel di sini, hari ini.

Kempen yang berlangsung sepanjang 1 hingga 31 Mac itu bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa emas bukan sekadar perhiasan, sebaliknya aset fizikal yang stabil dan mampu menjadi sandaran ekonomi keluar-

ga dalam jangka panjang.

Beliau juga menjelaskan, penganjuran kempen berkenaan bertepatan dengan ketibaan bulan Ramadan serta persediaan menjelang Aidilfitri, iaitu tempoh yang lazimnya menyaksikan peningkatan permintaan terhadap emas dalam kalangan pengguna.

Selain menggalakkan simpanan individu, inisiatif tersebut turut dijangka memberi kesan positif kepada industri emas tempatan melalui penglibatan aktif pengusaha kedai emas menerusi pelbagai promosi dan tawaran diskaun khas sepanjang tempoh kempen.



Tambahnya, pendekatan yang diperkenalkan kerajaan negeri itu diharap mampu membentuk kesedaran baharu dalam masyarakat supaya emas dilihat sebagai instrumen pengurusan kewangan yang berdaya tahan, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan kestabilan ekonomi isi rumah rakyat Kelantan.

Kempen tersebut dijayakan oleh Tourism Malaysia Kelantan bersama 101 pemain industri emas tempatan antaranya ialah Kelantan Gold Trade (KGT), peniaga emas Pasar Siti khadijah dan usahawan Taman Emas Malaysia (TEM).